



**NUAN** Nuan bermain dengan ibunya, Liang Liang (kanan), semalam. Gambar kecil, Teik Peng bersama hadiah yang dimenangi.

# Nuan Nuan namanya

■ Guru Bahasa Inggeris diumumkan pemenang namakan anak panda

**Asmah Rusman**  
asmah\_rusman@hmetro.com.my

## Zoo Negara laksana sistem satu tiket

**Kuala Lumpur**

**S**elepas tujuh bulan dilahirkan, anak panda betina kepada pasangan panda gergasi Xing Xing dan Liang Liang yang lahir pada 18 Ogos tahun lalu di Zoo Negara akhirnya diberikan nama Nuan Nuan yang membawa maksud ramah mesra.

Pengumuman itu dibuat Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar di Pusat Konservasi Panda Gergasi di Zoo Negara, semalam.

Nama berkenaan dicadangkan seorang guru Bahasa Inggeris Sekolah Menengah Sultan Abdul Aziz Shah, Teluk Intan, Perak, Oh Teik Keng yang turut diumumkan sebagai pemenang hadiah utama Pertandingan Menamakan Anak Panda Gergasi dengan membawa pulang sebuah kereta Perodua Myvi.

Teik Keng, 50-an berkata, dia tidak pernah berkunjung ke Pusat Konservasi Panda Gergasi untuk melihat anak panda itu, sebaliknya hanya mencari ilham memberikan nama berkenaan dengan membuat sedikit kajian terhadap karakter haiwan berkenaan melalui gambar dan laporan media.

“Saya ada memilih bebe-

**Kuala Lumpur:** Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar bersama Malaysia Zoological Society bersejua melaksanakan sistem satu tiket pada harga yang lebih murah bagi memasuki ke Zoo Negara dan Pusat Konservasi Panda Gergasi bermula hari ini.

Menterinya, Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, sistem itu menggantikan sistem yang digunakan pada masa ini yang mana pengunjung perlu membeli dua tiket berasingan untuk memasuki Zoo Negara dan Pusat Konservasi Panda Gergasi.

Beliau berkata, melalui pelaksanaan inisiatif itu, pengunjung hanya perlu membeli

satu tiket dan jumlah harga tiket baru yang diperkenalkan lebih murah.

“Bagaimanapun, pengurangan harga tiket baru ini terhad kepada pengunjung yang mempunyai MyKad sahaja iaitu warganegara Malaysia manakala bagi pengunjung bukan pemegang MyKad, harga tiket masih kekal sama,” katanya dalam ucapan pada Majlis Penamaan Anak Panda Gergasi di Zoo Negara, semalam.

Katanya, kadar baru yang dikemas kini adalah bagi pemegang MyKad kategori dewasa, harga tiket masuk sebanyak RM44 berbanding RM54 sebelum ini manakala bagi kanak-kanak pada harga RM16 berbanding RM22.

rapa nama untuk dihantar dalam pertandingan ini, namun nama Nuan Nuan lebih mudah disebut dan diingat, malah maksudnya juga lebih bersesuaian dengan karakter haiwan ini yang mesra dan jinak,” katanya.

Sementara itu, Wan Junaidi berkata, proses pemilihan

nama anak panda gergasi itu melalui beberapa sesi pemilihan yang teliti selama hampir dua hingga tiga bulan oleh juri khas dan profesional yang dilantik.

“Sembilan penyertaan nama disenarai pendek sebagai penerima hadiah pertandingan ini dengan satu dari-

padanya dipilih sebagai nama baru anak panda gergasi ini.

“Untuk makluman, nama yang dipilih juri ini juga sudah disahkan pihak Chinese Wildlife Conservation Association (CWCA) dan dipersejua Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak pada 25 Mac lalu,” katanya.

Katanya, perkataan Nuan juga terdapat dalam bahasa Iban bagi suku kaum di Sarawak yang bermaksud kamu.

Beliau berkata, pertandingan yang dianjurkan secara dalam talian bermula 17 November hingga 17 Disember tahun lalu itu mendapat sambutan menggalakkan dengan 22,830 penyertaan diterima.